

Morfem Kena dalam Bahasa Melayu: Ada Berapa Morfem?

Kartini Abd. Wahab

Universiti Kebangsaan Malaysia
kartini@ukm.my

Hiroki Nomoto

Universiti Bahasa Asing Tokyo
nomoto@tufs.ac.jp

1. Pengenalan

- Kebanyakan kajian terdahulu yang meneliti ragam (diatesis) dalam bahasa Melayu, menumpukan pasif morfologi *di-* (1) dan pasif kosong (*bare passive*) (2).¹

- (1) Dokumen itu sudah disemak oleh Aminah.
- (2) Dokumen itu sudah saya semak.

- Pasif (1) dan (2) masing-masing berkoresponden dengan ayat aktif morfologi *meN-* dan ayat aktif kosong (*bare active*) seperti dalam contoh (3) dan (4).

- (3) Aminah sudah menyemak dokumen itu.
- (4) Saya sudah semak dokumen itu.

- Selain daripada pasif morfologi *di-* dan pasif kosong, terdapat juga beberapa bentuk pasif yang lain, yang turut diakui dalam kosa ilmu iaitu pasif *kena*, pasif *ter-*, pasif *ber-* dan pasif *ke-...-an* (Nik Safiah 1978; Arbak 1981; Asmah dan Subbiah 1985; Abdul Hamid 1992).

- Dalam konteks tatabahasa Melayu, konstruksi yang dari segi semantik dan pragmatiknya menyerupai prototaip pasif, dilabel sebagai “pasif”. Contohnya, pembelakangan pelaku (agen), pendepanan benda (tema)/penderita dan peningkatan keterpengaruhan (Shibatani 1985; Keenan 1985; Koh 1990:169).

- Dengan adanya pelbagai jenis pasif yang sedemikian, timbul pertanyaan tentang:

- (i) sama ada/bagaimana bentuk-bentuk pasif tersebut berkaitan dengan pasif morfologi dan pasif kosong.

¹ Pasif morfologi *di-* dikenali juga sebagai “pasif jati” (Asmah 2009), “pasif kanonik” (*canonical passive*) (Chung 1976; Guilfoyle dll. 1992), manakala pasif kosong pula dikenali juga sebagai “pasif semu” (Asmah 2009) dan “pendepanan objek” (*object preposing*) (Chung 1976).

- (ii) sama ada “makna pasif” yang dikongsi oleh semua pasif tersebut, berasal daripada mekanisme sintaksis yang sama.

1.1 Tujuan

- Tujuan makalah ini adalah untuk meneliti salah satu jenis pasif tersebut, iaitu pasif *kena*, yang lazim digunakan dalam konteks bahasa Melayu Lisan (Chung 2005).

- (5) Penyeluk saku itu kena tangkap oleh polis.

- Bahasa Melayu mempunyai ayat *kena* debitif, seperti dalam (6). Menurut Chung (2005:209), penggunaan *kena* dalam ayat (6), lazimnya dianggap berbeza daripada penggunaan *kena* yang terdapat dalam ayat pasif *kena*.

- (6) Polis kena tangkap penyeluk saku itu.

1.2 Persoalan Utama

- (i) Bagaimanakah pasif *kena* berkaitan dengan pasif morfologi dan pasif kosong?
- (ii) Bagaimanakah ayat pasif *kena* berhubungan (secara sinkronik) dengan ayat *kena* debitif (6), yang mempunyai makna ‘harus’, dari segi sintaksisnya?
- (iii) Apakah struktur ayat pasif *kena*?

1.3 Dakwaan

- (i) *Kena* dalam ayat pasif *kena* adalah morfem yang tidak berkaitan dengan pasif morfologi *di-* mahupun pasif kosong. Kewujudan *kena* hanya menambah kesan makna adversiti (makna yang tidak menyenangkan, kesusahan atau terjejas) dan bukannya sumber ciri-ciri sintaksis pasif.

- (ii) Kami menganalisis ayat *kena* debitif sebagai pasangan kepada ayat pasif *kena*.

- (7)
 - a. Penyeluk saku itu kena tangkap oleh polis. (pasif)
 - b. Polis kena tangkap penyeluk saku itu. (aktif)

- (iii) Morfem *kena* dalam ayat pasif dan ayat aktif *kena* bukan penanda ragam tetapi tergolong dalam kelas predikat lucu (Nomoto 2011). Dari segi struktur ayat, *kena* mengambil frasa kata kerja kecil (Fk) sebagai komplemennya.

2. Beberapa Ciri/Fakta Asas Tentang Pasif *Kena*

- (i) Subjek dalam ayat pasif *kena* merupakan entiti yang terkena pengaruh yang tidak menyenangkan (Koh 1990; Bao dan Wee 1999; Chung 2005) seperti dalam (8a). Pihak yang terkena pengaruh boleh merupakan si penutur, apabila penutur mempunyai empati terhadap subjek seperti dalam (8b-c).²

- (8) a. *Aminah* kena tampar.
b. *Dompot aku* kena curi semalam.
c. *Rumah adik aku* kena rompak.

- (ii) Kata kerja keadaan (*stative*) tidak boleh muncul dalam pasif *kena* (Bao dan Wee 1999).

- (9) a. **Buku itu* kena *punya* oleh *Aminah*.
b. **Berita itu* kena *tahu* oleh semua orang.

- (iii) Kata kerja dalam pasif *kena*, hadir tanpa apa-apa imbuhan atau bebas daripada penandaan morfologi (Nik Safiah Karim dll. 1993; Bao dan Wee 1999).

- Walau bagaimanapun kami berpandangan bahawa dakwaan seperti dalam (iii) tidak dapat dipertahankan, kerana terdapat beberapa jenis imbuhan dapat hadir dengan kata kerja dalam ayat pasif *kena*, walaupun kebanyakan ayat pasif *kena* dalam wacana biasa, kata kerjanya adalah tanpa imbuhan.

- Pandangan tersebut mungkin berpunca daripada penggunaan ayat pasif *kena* dalam laras bahasa tidak formal. Tambahan pula, dalam konteks bahasa Melayu Lisan, kata kerja tanpa imbuhan adalah sangat umum ditemui.

² Satu hal menarik yang perlu diberi perhatian tentang pasif *kena* ialah pasif ini kadang-kala digunakan juga dalam konteks positif, seperti dalam ayat (i). *Kena* yang pertama adalah adversatif, sebaliknya *kena* yang kedua dan ketiga pula menggambarkan peristiwa positif yang boleh menggembirakan subjek.

- (i) *kena* tegur sikit terus lembik, pasal kat sekolah dulu dia jadi murid favorite cikgu pasal dia pandai, selalu score A1, selalu *kena* puji, selalu *kena* angkat.
(PERGH!, <http://pergh.com/forum/index.php?topic=2629.0>, diakses 29/06/2010)

Data seperti ini menunjukkan kemungkinan bahawa makna adversiti yang dikaitkan dengan *kena*, sebenarnya hasil inferensi pragmatik dan bukannya sebahagian makna semantik perkataan tersebut.

- (iv) Frasa preposisi “*oleh* + Pelaku” dalam ayat pasif *kena* adalah unsur opsyenal (Nik Safiah dll. 1993, Chung 2005; Bao dan Wee 1999) dan boleh dihilangkan apabila adanya pelaku.³

- (10) a. Amin kena tangkap *oleh* polis.
b. Amin kena tangkap.
c. Amin kena tangkap *polis*.

- (v) Dalam bahasa Melayu, terdapat kes *kena* mengambil frasa determiner (FD) seperti dalam contoh (11).

- (11) a. Salmah kena [FD demam panas] sejak seminggu yang lalu.
b. Kaki Abu kena [FD ekzos motosikal].

- *Kena* yang mengambil FD seperti ini, dianalisis sebagai kata kerja transitif yang membawa makna ‘menanggung’, ‘sentuh’ dan ‘mendapat’.

- *Kena* jenis transitif tidak semestinya membawa makna adversiti atau kesusahan (lihat Bao dan Wee 1999), misalnya dalam contoh (12).

- (12) Felix kena [FD loteri sebanyak RM 50 000.00] semalam.

3. Ayat Pasif *Kena* dan Pasangan Aktifnya

- Berbeza daripada pasif morfologi dan pasif kosong, ayat pasif *kena* jarang dibincangkan dalam konteks hubungan padanannya dengan ayat aktif. Hal ini mungkin disebabkan oleh fakta bahawa pasif didefinisikan berasaskan fungsi semantik dan pragmatik dalam kebanyakan tatabahasa Melayu. Kami mengambil pendirian bahawa pasif didefinisikan berasaskan sintaksis seperti yang berikut:

“Pasif adalah konstruksi yang argumen dalam (misalnya benda dan penderita) kepada predikatnya, dikemukakan sebagai subjek sintaksis, manakala argumen luarnya (misalnya pelaku dan pengalami) diturunkan taraf menjadi kurang menonjol, iaitu bukan sebagai subjek mahupun objek.”

³ Dalam hal ini, pasif *kena* memperlihatkan persamaan dengan pasif morfologi.

(13)	<u>Ayat</u>	<u>Subjek</u>	<u>Objek</u>
a.	Aktif:	argumen luar	argumen dalam
b.	Pasif:	argumen dalam	(argumen luar: bukan subjek mahupun objek) ⁴

- Kami mendakwa bahawa pasif *kena* mempunyai padanan ayat aktifnya yang mengandungi morfem *kena* dengan makna 'harus', seperti dalam (14).

(14)	a.	Polis kena tangkap penyeluk saku itu.	(aktif)
	b.	Penyeluk saku itu kena tangkap oleh polis.	(pasif)

- Kedua-dua ayat di atas boleh dianalisis sebagai pasangan aktif-pasif kerana morfem *kena* dalam kedua-dua ayat ini mempunyai makna modal, seperti 'tak kira kehendak subjek/penutur', 'ditekan oleh keadaan luar' atau 'ditakdirkan'.

- Ayat aktif *kena* dan pasangan ayat pasif *kena*, dapat diparafrasakan menerusi perkataan *terpaksa*, seperti dalam (15).

- (15) a. Aktif *kena*
Polis *kena* tangkap pencuri itu semalam.
= Polis *terpaksa* menangkap pencuri itu semalam (tak boleh tak nak, kerana itu dah tanggungjawab dan arahan, kan?).

→ **keadaan luaran** yang berasosiasi dengan makna *kena*:

Kefahaman masyarakat bahawa menangkap pencuri adalah tugas polis.

- b. Pasif *kena*
Pencuri itu *kena* tangkap oleh polis semalam.
= Pencuri itu *terpaksa* ditangkap semalam (walaupun pencuri itu tak nak).
→ **keadaan luaran** yang berasosiasi dengan makna *kena*:

Situasi di mana pencuri itu mendapati bahawa dirinya telah tertangkap/tidak dapat melepaskan diri.

⁴ Argumen luar bagi pasif morfologi *di-* direalisasikan sebagai adjung, sementara dalam pasif kosong, argumen luarnya diklitisasi pada kata kerja dasar.

- Terdapat fakta dalam bahasa lain yang menunjukkan bahawa wujud morfem yang sama untuk mengungkapkan dua makna yang relevan.

- Morfem *get* dalam bahasa Inggeris Singapura Baku misalnya, mempunyai dua makna, iaitu (a) ungkapan kewajipan 'harus' dan (b) makna adversiti dalam pasif adversatif, seperti dalam (16).

(16)	a.	The police (have) <i>got</i> to arrest the thief.	('harus')
	b.	The thief <i>got</i> arrested by the police.	(adversatif)

- Bahasa Thai dan Vietnam (Prasithratsint 2004), Hokkien (Bodman 1955) dan Khmer (Hiromi Ueda, menerusi perbincangan tidak rasmi) juga menggunakan morfem yang sama untuk dua makna, contohnya *thùuk* (bahasa Thai), *bi* (bahasa Vietnam) dan *tioq* (bahasa Hokkien) dan *trəw* (bahasa Khmer).

4. Ayat Kena dan Kawalan Lucu

4.1 Kena sebagai predikat lucu

- Kami mendakwa bahawa *kena* adalah sejenis predikat lucu (Nomoto 2011) yang tergolong dalam kelas kata kerja utama, dan bukan penanda ragam pasif mahupun kata kerja bantu.⁵

- Predikat lucu mempunyai makna modaliti iaitu (i) mengungkapkan sikap psikologi (misalnya *ingin* dan *mahu*) dan (ii) mengungkapkan keadaan luar yang dapat mempengaruhi kemungkinan suatu situasi akan direalisasikan (contohnya *layak*).⁶

- Kena* sebagai predikat lucu memperlihatkan fenomena kawalan lucu,⁷ iaitu fenomena kata kerja utama dalam klausa matrik, berasosiasi dengan sama ada argumen dalam atau argumen luar kata kerja pasif, dalam klausa pancangan. Ayat kawalan lucu mempunyai dua interpretasi (interpretasi kawalan biasa dan bersilang),⁸ seperti dalam contoh (17).

⁵ Dakwaan ini berbeza daripada pandangan Nik Safiah dll. (1993: 493) serta Bao dan Wee (1999), yang masing-masing mendakwa *kena* sebagai kata kerja bantu dan penanda ragam pasif.

⁶ Lihat Nomoto (2011) untuk senarai predikat lucu yang lain.

⁷ Istilah kawalan lucu daripada Gil (2002). Untuk perbincangan lanjut mengenai fenomena kawalan lucu dalam bahasa Melayu, lihat Nomoto (2011), di samping makalah penuh kami.

⁸ Kedua-dua istilah ini adalah terjemahan daripada istilah *normal control reading* dan *crossed reading* dalam Polinsky dan Potsdom (2008).

(17) Perompak itu kena [ditangkap (oleh) polis].

- (i) 'Perompak itu kena tangkap oleh polis.' (**interpretasi kawalan biasa**)
pihak yang "kena" = argumen dalam *tangkap*, iaitu 'perompak itu'
- (ii) 'Polis harus menangkap perompak itu.' (**interpretasi bersilang**)
pihak yang "kena" = argumen luar *tangkap*, iaitu 'polis'

- Secara khusus, ayat *kena* dalam (17), berasosiasi dengan keadaan luaran tertentu.

Dalam (17i) → Keadaan luar menekan 'perompak itu', tidak peduli suka atau tidak, untuk menjalani dan mengalami suatu tindakan yang tidak menyenangkan, iaitu dia 'ditangkap oleh polis'.

Dalam (17ii) → Keadaan luar yang relevan adalah misalnya, tuntutan masyarakat yang cukup kuat yang menekan 'polis', tanpa mempedulikan kemahuan mereka sendiri, menjalani suatu tindakan, yakni 'perompak itu mesti ditangkap' oleh mereka.

- Dari segi strukturnya, Nomoto (2011) mengikut Polinsky dan Potsdom (2008), mengasumsikan bahawa predikat lucu mengambil klausa berkurang (*reduced clause*) Fk sebagai komplemennya, dan bukannya klausa lengkap seperti FKomp.

4.2 Beberapa bukti *kena* sebagai predikat lucu

(i) **Bukti 1: Pendepanan** (*fronting*)

- *Kena* tidak berperilaku seperti kata bantu dari segi fakta pendepanan. Dalam kes klausa yang mempunyai dua (atau lebih) kata bantu, pendepanan kata bantu mesti melibatkan kedua-dua kata bantu tersebut seperti (18a), dan jika sebaliknya, maka ayat yang terhasil adalah tidak gramatis (Ramli 1995:104), seperti dalam contoh (18b-c).

- (18) a. *Sudah boleh*-kah rumah itu ____ ____ dijual?
- b. **Sudah*-kah rumah itu ____ *boleh* dijual?
- c. **Boleh*-kah rumah itu *sudah* ____ dijual?

- Pendepanan kata bantu, misalnya kata bantu *sudah* bersama-sama dengan morfem *kena*, menyebabkan ketidakgramatisan dalam ayat (19a).

- (19) a. **Sudah kena*-kah rumah itu ____ ____ dijual?
- b. *Sudah*-kah rumah itu ____ *kena* dijual?
- c. **Kena*-kah rumah itu *sudah* ____ dijual?

- Ayat (19a) tidak gramatis, kerana kata bantu *sudah* dan *kena* tidak membentuk konstituen seperti dalam (20).

(20) [FKomp -kah [FKala rumah itu [Kala' sudah [Fk kena] dijual]].

- *Cuba* yang merupakan predikat lucu juga memperlihatkan pola yang sama dengan *kena*. Bandingkan contoh (19) dengan contoh (21) di bawah.

- (21) a. **Sudah cuba*-kah rumah itu ____ ____ dijual?
- b. *Sudah*-kah rumah itu ____ *cuba* dijual?
- c. **Cuba*-kah rumah itu *sudah* ____ dijual?

Justeru, ini menunjukkan bahawa *kena* bukan merupakan kata bantu, tetapi predikat lucu.

(ii) **Bukti 2: *Kena* dapat muncul bersama-sama dengan ragam morfologi.**

- *Kena* bukan penanda pasif, kerana ia dapat muncul bersama-sama dengan kata kerja dalam kedua-dua ragam morfologi aktif dan pasif, seperti dalam contoh (22).

- (22) a. Polis *kena men*-[t]angkap penyeluk saku itu.
- b. Penyeluk saku itu *kena di*-tangkap oleh polis.⁹

⁹ Ayat ini, walaupun kedengaran tidak biasa bagi sesetengah penutur, namun ia gramatis sepenuhnya bagi sesetengah penutur yang lain. Contoh-contoh yang serupa mudah ditemui dalam wacana sebenar.

(iii) **Bukti 3: Ketaksan *kena* sebagai predikat lucu.**

• Ayat dengan morfem *kena* adalah taksa apabila *kena* diikuti oleh klausa komplemen pasif, sebagaimana juga dalam kes ayat kawalan lucu. Walau bagaimanapun, ayat *kena* seperti juga ayat kawalan lucu, akan hilang ketaksaannya apabila klausa komplemennya adalah klausa aktif. Hal ini menunjukkan ciri persamaan morfem *kena* dengan predikat lucu yang lain (bandingkan dengan contoh (17) yang klausa pancangannya adalah pasif).

(23) Polis kena [menangkap penyeluk saku itu].

(i) ‘Polis harus menangkap penyeluk saku itu.’
(interpretasi kawalan biasa)

(ii) *‘Penyeluk saku itu kena ditangkap oleh polis.’
(interpretasi bersilang)

4.3 Kesimpulan setakat ini:

- Pasif *kena* mempunyai pasangan aktifnya, iaitu ayat *kena* dengan makna ‘harus’.
- Berdasarkan tiga bukti yang telah dikemukakan, *kena* bukan merupakan kata bantu mahupun penanda ragam pasif, tetapi sebaliknya adalah sejenis predikat lucu yang menimbulkan fenomena kawalan lucu.

• **Persoalan:**

Jika *kena* bukan penanda ragam, bagaimanakah ragam ditandai dalam pasangan ayat aktif-pasif *kena*?

5. Alternasi Ragam Tersirat

5.1 Cadangan

- **Dakwaan:** Tidak ada morfem ragam yang nyata, yang terlibat dalam alternasi antara ayat *kena* aktif dan ayat *kena* pasif. Kami menamakan jenis alternasi ragam ini sebagai “alternasi ragam tersirat”.

- Kami mengemukakan hipotesis kehadiran morfem ragam kosong $\emptyset_{\text{AKTIF}}$ dan $\emptyset_{\text{PASIF}}$, dan bahawa kedua-dua morfem ragam ini menduduki posisi kepala sintaksis yang sama seperti *meN-* dan *di-* dalam ragam morfologi.

- Posisi yang relevan bagi kedua-dua kepala tersebut biasanya dianggap sebagai k^{10} (atau Ragam) (Aldridge 2008; Cole dll. 2008; Tjung 2006; Sato 2008; Son dan Cole 2008; Nomoto 2011).

- Alternasi ragam tersirat dalam ayat *kena* dirumuskan seperti (24).

(24) a. Aktif: $FD_{\text{luar}} \text{ kena } [_{\text{FK}} \emptyset_{\text{AKTIF}} [_{\text{FK}} \text{ KK } FD_{\text{dalam}}]]^{11}$
b. Pasif: $FD_{\text{dalam}} \text{ kena } [_{\text{FK}} \emptyset_{\text{PASIF}} [_{\text{FK}} \text{ KK}]]$ (oleh FD_{luar})

- Perhatikan bahawa tanpa preposisi *oleh*, urutan kata “FD *kena* KK FD” dapat dikemukakan sama ada (24a) (= aktif) atau (24b) (= pasif), yang menimbulkan ketaksan struktural. Kebanyakan penutur jati tidak menyedari ketaksan ini, kerana ia lazimnya diselesaikan dengan pragmatik.¹²

5.2 Contoh Lain bagi Alternasi Ragam Tersirat

(i) **Konstruksi *ter-* dalam bahasa Melayu**

- Konstruksi *ter-* dalam bahasa Melayu, juga menunjukkan alternasi aktif-pasif. Apabila konstruksi *ter-* menunjukkan alternasi aktif-pasif, tidak ada morfem nyata yang memperlihatkan ragam, mahupun urutan kata khas yang menunjukkan jenis ragam yang digunakan (Za‘ba 2000: 213; Abdullah 1974: 107; Nik Safiah dll. 1993: 165–166). Sebagai contoh, alternasi *ter-* aktif dan pasif dalam ayat (25).

¹⁰ k adalah kepala yang mewakili suatu Fk.

¹¹ Subskrip “dalam” dan “luar” menunjukkan bahawa FD masing-masing adalah argumen dalam dan argumen luar, bagi kata kerja dalam klausa pancangan.

¹² Suatu ayat boleh menjadi sama ada aktif atau pasif bergantung pada konteksnya. Sebagai contoh, ayat *Ali kena tipu wanita itu* membawa makna ‘Ali harus menipu wanita itu’ (aktif), jika Ali seorang penjual barang-barang kemas palsu. Namun begitu, ayat yang sama juga boleh bermakna ‘Ali *kena* ditipu oleh wanita itu’ (pasif), jika wanita itu seorang yang jahat. Perhatikan bahawa kedua-dua makna ini berasaskan struktur yang berlainan, dan bukannya bermakna perbezaan di antara ragam aktif dan pasif bersifat kabur (*vague*) dalam bahasa Melayu.

- (25) a. Aktif: Polis *ter*-tangkap lelaki itu.
b. Pasif: Lelaki itu *ter*-tangkap (oleh) polis.¹³

- Alternasi ragam tersirat dalam ayat *ter*- dirumuskan seperti (26).

- (26) a. Aktif: FD_{luar} *ter*- [F_K Ø_{AKTIF} [F_K KK FD_{dalam}]]
b. Pasif: FD_{dalam} *ter*- [F_K Ø_{PASIF} [F_K KK] (oleh) FD_{luar}]

(ii) Bahasa Manggarai (Austronesia)

- Dalam bahasa Manggarai, ayat pasif dalam contoh (27b) berhubungan dengan ayat aktif (27a). Perhatikan contoh (27) daripada Arka dan Kosmas (2005:88).

- (27) a. Aku *cero* latung=k.
1TGL goreng jagung=1TGL
'Aku menggoreng jagung'
b. Latung hitu *cero* l=aku=i.
jagung itu goreng oleh=1TGL=3TGL
'Jagung itu digoreng oleh aku.'

- Kedua-dua ayat mengandungi kata kerja *cero* 'goreng'. Tidak terdapat morfologi ragam yang nyata dalam kedua-duanya. Seperti bahasa Melayu, aktif atau pasif hanya berbeza dari segi urutan FD benda dan FD pelaku. Ragam hanya diisyaratkan oleh hadir atau tidaknya morfem yang bermakna 'oleh' dan juga konteks ayat.

(iii) Bahasa Bamba (bahasa di Afrika Barat)

- Dalam bahasa Bamba, tidak ada penanda ragam dalam ayat aktif (28a) mahupun ayat pasif (28b) (Cobbinah dan Lüpke, akan datang: [3]–[4]).

- (28) a. Û bε jò dan.
3JMK KINI sekoi semai
'Mereka menyemai sekoi.'
b. Nò bε dan (u fè).
sekoi KINI semai 3JMK POSTPOSISI
'Sekoi disemai oleh mereka.'

6. Kesimpulan

- Dalam makalah ini kami telah meneliti sintaksis ayat *kena* dalam bahasa Melayu. Analisis kami adalah baru dalam tiga hal yang berikut.

(i) Kami telah menunjukkan kewajaran hubungan sintaksis antara ayat pasif *kena* dengan ayat aktif *kena* yang mempunyai makna 'harus' sebagai pasangan ayat pasif-aktif.

- Kedua-dua konstruksi ini dianggap sebagai tidak mempunyai hubungan sintaksis dalam kajian-kajian terdahulu. Walau bagaimanapun kami telah menunjukkan perkaitan kedua-duanya, menerusi kewujudan morfem *kena* dalam kedua-dua ayat yang mempunyai makna modaliti seperti 'tak kira kehendak subjek/penutur', 'ditekan oleh keadaan luar' atau 'ditakdirkan'.

(ii) Kami telah menunjukkan bahawa *kena* bukan penanda pasif mahupun kata bantu, tetapi sebaliknya *kena* adalah salah satu predikat lucu dalam bahasa Melayu.

- Dalam kajian terdahulu, ketaksan *kena* yang melibatkan penggunaannya dalam ayat pasif *kena* dan ayat *kena* yang mengandungi makna 'harus', dianggap sebagai ketaksan *leksikal*, iaitu sama ada wujud dua morfem *kena* yang berlainan atau *kena* adalah bersifat polisemi.

- Namun, hal ini membolehkan wujudnya pandangan yang lebih berprinsip, apabila kami meneliti ketaksan dalam ayat *kena* yang sama dengan ketaksan dalam fenomena ayat kawalan lucu, iaitu ketaksan yang bersifat *struktural* dan sama seperti yang terdapat dalam ayat dengan predikat lucu yang lain, misalnya *cuba* dan *mahu*.

¹³ Terdapat buku tatabahasa (misalnya Abdullah 1974) menyatakan bahawa perkataan *oleh* adalah unsur wajib dalam ayat pasif *ter*-. Walau bagaimanapun, deskripsi seperti itu tidak memadai. Hasil pencarian Google dengan rentetan "tertangkap oleh polis" dan "tertangkap polis" (dilakukan pada 3 Mac 2011) menunjukkan bahawa pengguguran *oleh* sangat lazim, yakni jumlah carian untuk kedua-dua frasa masing-masing adalah 35 dan 234.

(iii) Kami mendakwa bahawa dalam ayat *kena*, ragam tidak ditandakan secara nyata atau tersurat, baik oleh morfologi kerjaan atau menerusi urutan kata khas (apabila *kena* tidak diikuti oleh klausa ragam morfologi atau klausa ragam kosong).

- Kami menamakan jenis ragam ini sebagai “ragam tersirat”. Alternasi ragam tersirat turut ditemui dalam konstruksi *ter-* dalam bahasa Melayu dan juga banyak bahasa lain, termasuklah bahasa Manggarai dan bahasa Bamba.
- Sebagai kesimpulannya, kami mengimbuai semula pertanyaan yang dikemukakan dalam tajuk makalah ini: Ada berapa morfem *kena*? Jawapan kami ialah dua, seperti yang dirumuskan dalam (29).¹⁴

(29)

	<i>kena 1</i>	<i>kena 2</i>
Kategori:	KK transitif	KK modaliti
Komplemen:	FD	Fk
Makna:	sentuh, menanggung, mendapat	tak kira kehendak subjek/ penutur (debitif ‘harus’, adversatif)
Contoh:	• <i>Kaki Abu kena ekzos motosikal.</i> • <i>Felix kena loteri sebanyak RM 50 000.00 semalam.</i>	• <i>Polis kena tangkap pencuri itu.</i> • <i>Pencuri itu kena tangkap (oleh) polis.</i>

¹⁴ Kami mengenepikan morfem *kena* yang bermakna ‘sesuai, tepat’ seperti dalam ayat, *Dia menjadi berang, kalau ada sesuatu yang tidak kena di hatinya, Apa yang tak kena pada hati kau?* dan *Warna baju Aminah kena dengan warna selendangnya*, kerana penggunaan *kena* seperti ini jelas berbeza daripada penggunaan-penggunaan *kena* yang dibincangkan dalam makalah ini. Morfem *kena* yang ketiga ini adalah kata adjektif dari segi kategori sintaksisnya.

Rujukan

- Abdul Hamid Mahmood. 1992. *Ayat pasif bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. 1974. *The morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aldridge, Edith. 2008. Phase-based account of extraction in Indonesian. *Lingua* 118. 1440–1469.
- Arbak Othman. 1981. *Tatabahasa bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Arka, I Wayan & Jeladu Kosmas. 2005. Passive without passive morphology? Evidence from Manggarai. Dlm. I Wayan Arka & Malcolm Ross (peny.), *The many faces of Austronesian voice systems: Some new empirical studies*, 87–117. Canberra: Pacific Linguistics.
- Asmah Hj. Omar. 2009. *Nahu Melayu mutakhir (edisi kelima)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar & Rama Subbiah. 1985. *An introduction to Malay grammar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bao, Zhiming & Lionel Wee. 1999. The passives in Singapore English. *World Englishes* 18. 1–11.
- Bodman, Nicholas C. 1955. *Spoken Amoy Hokkien*. Kuala Lumpur: Charles Grenier and Company.
- Chung, Sandra. 1976. On the subject of two passives in Indonesian. Dlm. Charles. N. Li (peny.), *Subject and topic*, 57–99. New York: Academic Press.
- Chung, Siaw Fong. 2005. *Kena* as a third type of the Malay passive. *Oceanic Linguistics* 44. 194–214.
- Cobbinah, Alexander & Friederike Lüpke. akan datang. Not cut to fit – zero coded passives in African languages. Dlm. Matthias Brenzinger & Anna-Maria Fehn (peny.) *Proceedings of the 6th World Congress of African Linguistics*. Amsterdam: John Benjamins.
- Cole, Peter, Gabriella Hermon & Yanti. 2008. Voice in Malay/Indonesian. *Lingua* 118. 1500–1553.
- Gil, David. 2002. The prefixes *di-* and *N-* in Malay/Indonesian dialects. Dlm. Fay Wouk & Malcom David Ross (peny.), *The history and typology of Western Austronesian voice systems*, 241–283. Canberra: Pacific Linguistics.
- Guilfoyle, Eithene, Henrietta Hung & Lisa Travis. 1992. Spec of IP and spec of VP: Two subjects in Austronesian languages. *Natural Language and Linguistic Theory* 10. 375–414.

**Persidangan Linguistik ASEAN V (PLA V), 21-22 Disember 2011,
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.**

- Keenan, Edward. 1985. Passive in the world's languages. Dlm. Timothy Shopen (peny.) *Language typology and syntactic description*, 243–281. Cambridge: Cambridge University Press.
- Koh, Ann Sweesun. 1990. *Topics in Colloquial Malay*. Melbourne: Tesis Ph.D Universiti Melbourne.
- Nik Safiah Karim. 1978. *Bahasa Malaysia syntax: Some aspects of its standardization*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 1993. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nomoto, Hiroki. 2011. Analisis seragam bagi kawalan lucu. Dlm. Hiroki Nomoto, Anwar Ridhwan & Zaharani Ahmad (peny.), *Isamu Shoho: Tinta kenangan "kumpulan esei bahasa dan linguistik"*, 44–91. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Polinsky, Maria & Eric Potsdom. 2008. The syntax and semantics of wanting in Indonesian. *Lingua* 118. 1617–1639.
- Prasithrathsint, Amara. 2004. The adversative passive markers as a prominent areal feature of Southeast Asian languages. Dlm. Somsonge Buruphat (peny.), *Paper from the Eleventh Annual Meeting of Southeast Asian Linguistics Society 2001*, 583–598. Tempe, AZ: Program for Southeast Asian Studies, Arizona State University.
- Ramli Haji Salleh. 1995. *Sintaksis bahasa Melayu: Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sato, Yosuke. 2008. *Minimalist interfaces: Selected issues in Indonesian and Javanese*. Tucson, AZ: Tesis Ph.D Universiti Arizona.
- Shibatani, Masayoshi. 1985. Passives and related constructions: A prototype analysis. *Language* 61. 821–848.
- Son, Minjeong & Peter Cole. 2008. An event-based account of -kan constructions in Standard Indonesian. *Language* 84. 120–160.
- Tjung, Yassir. 2006. *The formation of relative clauses in Jakarta Indonesian: A subject-object asymmetry*. Newark, DE: Tesis Ph.D Universiti Delaware.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 2000. *Pelita bahasa Melayu, penggal I–III, edisi baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.